



GE 2200-407

BAHASA MELAYU UNTUK PENUTUR ASING ภาษาแม่ลักษยสำหรับชาวต่างชาติ

PENYUSUN

KU-ARES TAWANDORLOH

ABDULKARIM DUERAWEE

HASNAH QADIRIN

HASUENAH WOHSENG

SALIHA MUSO

SUMAIYAH MENJAMIN

ADAREENA CHEMA

ASIYAH KUWING



JABATAN BAHASA MELAYU
FAKULTI SASTERA DAN SAINS KEMASYARAKATAN
UNIVERSITI FATONI

PELAJARAN 1

PENGENALAN SISTEM BUNYI BAHASA MELAYU

1. Sistem Bunyi Bahasa Melayu

Bahasa Melayu mempunyai sistem bunyi yang tersendiri. Sistem bunyi bahasa Melayu mempunyai 26 huruf, iaitu.

No.	Huruf-huruf BM		Bunyi Huruf
	Huruf Besar	Huruf Kecil	
1	A	A	ay
2	B	B	bi
3	C	C	si
4	D	D	di
5	E	E	i
6	F	F	ef
7	G	G	ji
8	H	H	ac
9	I	I	ai
10	J	J	je
11	K	K	ke
12	L	L	el
13	M	M	em
14	N	N	en
15	O	O	o(u)
16	P	P	pi
17	Q	Q	kiu
18	R	R	ar
19	S	S	es
20	T	T	ti
21	U	U	yu
22	V	V	vi
23	W	W	dabliu
24	X	X	eks
25	Y	Y	wai
26	Z	Z	zet

2. Bunyi vokal bahasa Melayu mempunyai 6 vokal.

No.	Vokal Bahasa Melayu	Awal	Tengah	Akhir
1	A	ayah	papa	apa
2	E	edar	semak	-
3	e/[ə]	emak/əmak	pecah/pəcah	-

4	I	ikan	itik	titi
5	O	orang	bola	teko
6	U	ubat	burung	siku

*** e=/e/ taling

e=/ə/ pepet

3. Bunyi diftong (Diphthongs) bahasa Melayu mempunyai 3 diftong.

No.	Diftong BM	Akhir	Akhir	Akhir
1	ai	dawai	lalai	tirai
2	au	hijau	kacau	surau
3	oi	koboi	dodoi	kaloi

4. Urutan vokal bahasa Melayu mempunyai 2 urutan vokal.

No.	Urutan vokal BM	Tengah	Tengah	Akhir
1	ia	siang	siap	dia
2	iu	kiub	siul	-
3	ua	Luas	kuat	dua
4	ui	kuih	buih	-

5. Gugusan konsonan bahasa Melayu mempunyai 5 konsonan termasuk 3 konsonan bahasa Arab.

No.	Gugusan konsonan BM	Awal	Tengah	Akhir
1	ng	nganga	bangun	sedang
2	ny	nyonya	banyak	-
3	kh	khas	ikhlas	-
4	gh	ghaib	-	-
5	sy	syarat	masyarakat	-

6. Konsonan bahasa Melayu mempunyai 21 konsonan tunggal termasuk 2 konsonan pinjaman bahasa Inggeris (f, v).

No.	Konsonan Tunggal BM	Awal	Tengah	Akhir
1	b	bapa	cuba	bab
2	c	cari	baca	Mac
3	d	demam	sedap	kad

4	f	fail	daftar	daif
5	g	gulai	gagah	beg
6	h	hari	ahli	buah
7	j	jari	jaja	kolej
8	k	kurang	akal	kakak
9	l	lama	iklan	dail
10	m	manis	lama	demam
11	n	nasi	nenas	telan
12	p	pulau	api	paip
13	q	quran	iqrak	
14	r	rumah	biru	ikrar
15	s	surat	pasti	pedas
16	t	tutur	peti	tempat
17	v	van	sivik	-
18	w	wang	awan	-
19	x	xerok	-	-
20	y	yuran	kaya	-
21	z	zaman	pizza	lafaz

LATIHAN

A. Latih tubi

cari	baca	nenas	rumah	biru	ikrar
demam	sedap	kad	surat	pasti	pedas
fail	daftar	daif	tutur	peti	tempat
gulai	gagah	beg	van	sivik	pulau
hari	ahli	buah	wang	awan	paip
jari	jaja	kolej	xerok	lafaz	ikrar
kurang	akal	kakak	yuran	kaya	biru
lama	iklan	dail	zaman	pizza	rumah
manis	lama	demam	quran	iqrak	telan

B. Tuliskan perkataan ini dengan betul.

1	batal	و سا دة		11	pargi	ذهب	
2	lambu	بقرة		12	keretas	ورق	
3	amak	أم		13	juwal	بيع	
4	ampat	أربع		14	duwit	نقود	

5	pinyam	استعر		15	puteh	ابيض	
6	semilang	تسع		16	kambeng	غم	
7	anam	ستة		17	idong	انف	
8	baisikel	الدراجة		18	pakaiyan	اللباس	
9	tido	نام		19	parampuwan	امراة	
10	bolih	يستطيع		20	barsih	نظيف	

***Perhatian

Vokal e dalam bahasa Melayu ada 2 bunyi;

e=[e] taling

e=[ə] pepet

*** [e] → e/o bunyi dengan e taling


pendek	belok
sepet	tembok
tempoh	cerek

[ə] → jika vokal bukan e/o bunyi dengan e pepet

cerah	benci	lemah
menang	cepat	belum
kering	degil	letak

PELAJARAN 2

UCAPAN SELAMAT DAN TANYA KHABAR



Perbualan 1

Tanya khabar

- Arifin : Selamat pagi.
- Abdullah : Selamat pagi.
- Arifin : Apa khabar?
- Abdullah : Alhamdulillah, khabar baik. Kamu, apa khabar?
- Arifin : Alhamdulillah, khabar baik.
- Abdullah : Itu siapa?
- Arifin : Itu Alif. Ini siapa?
- Abdullah : Ini Muhammad. Alif adik.

Perbualan 2

MEMPERKENAL DIRI DAN ORANG LAIN

Hari ini hari pertama Arini memula pengajiannya di universiti. Ketika dia sedang berjalan hendak ke kelas. Dia berjumpa dengan kawan barunya.

- Arini :Assalamu'alaikum wr wb. Selamat pagi.
Murna :Waalaikumu'salam wr wb. Selamat pagi.
Arini :Siapa nama anda? Nama saya Arini.
Murna :Nama saya Murna. Ini kawan saya, Najwa.
Anda ada kelas pagi ini?
Arini :Najwa belajar di sini?. Ya Saya ada kelas pada pukul 9.00 pagi.
Sekarang saya akan ke Fakulti Sastera dan Kemasyarakatan dulu. Anda pula nak ke mana?
Najwa :Tidak. Saya belajar di PSU. Saya ke sini untuk menziarahi Murna.
Murna :Oh! Saya akan ke bangunan Raja. Saya ada kelas pada pukul 8.00 pagi. Sekarang baru pukul 7.30 pagi. Elok saya makan dulu di kantin. Sudah makan?
Arini :Ya. Saya baru lepas makan. Anda tinggal di mana?
Murna :Saya tinggal asrama 5. Anda?
Arini :Saya tinggal di asrama 4. Anda pelajar fakulti dan jurusan di mana?
Murna :Saya pelajar jurusan Pengajian Islam. Anda pelajar Fakulti Sastera dan Kemasyarakatan?
Arini :Ya, betul. Saya mengambil jurusan Bahasa Inggeris. Sekejap lagi saya akan pergi membeli buku English I di fakulti saya. Saya pergi dulu.
Murna :Baiklah. Jumpa lagi.



Kosa kata tentang universiti

Universiti		Kantin	
Fakulti		Pejabat Pendaftaran	
Jabatan		Bangunan	
Jurusan		Kampus	
Minor		Pejabat Canselor	
Perpustakaan		Dekan	

Nama-nama fakulti dan jurusan

Fakulti Sastera dan Sains	
Kemasyarakatan	
Fakultiti Pendidikan	
Fakulti Sains dan Teknologi	
Fakulti Pengajian Islam dan Undang-undang	
Jabatan Bahasa Melayu	
Jabatan Bahasa Inggeris	
Jabatan Bahasa Arab	
Jabatan Pendidikan Islam	
Jabatan Pengajian Islam	

Pertanyaan tentang maklumat peribadi

1. Siapa nama anda?
2. Rumah anda di mana?
3. Sekarang anda belajar di mana?
4. Anda belajar fakulti apa?
5. Anda pelajar jurusan apa?
6. Sekarang anda pelajar tahun berapa?

Bacaan

Nama saya Adam. Ayah saya bernama Ali. Ibu saya bernama Sarah. Saya ada seorang abang, seorang kakak dan tiga orang adik. Rumah saya di Yala. Saya pelajar Universiti Fatoni. Sekarang saya tinggal di asrama. Saya pelajar tahun satu

di Fakulti Pendidikan. Saya pelajar jurusan Pendidikan Islam.

LATIHAN

a. Perkenalkan diri anda

Nama saya _____

Saya bernama _____

Saya berasal dari daerah _____

Sekarang saya berumur _____ tahun.

Saya ada _____ adik-beradik.

Saya belajar di fakulti _____

Saya pelajar jurusan _____

b. Tuliskan sebuah karangan tentang maklumat anda.



PELAJARAN 3

BERCERITA TENTANG KELUARGA



Perbualan 1


Pada masa cuti sekolah yang lalu, Amin mengikuti program cuti semester di Kuala Lumpur selama sebulan. Melalui program ini, Amin mendapat peluang berkenalan dengan keluarga angkat di kampung.

- Amin : Selamat pagi, atuk. Apa khabar?
- Datuk : Selamat pagi. Alhamdulillah, khabar baik. Ini Amin?
- Amin : Ya. Saya Amin.
- Datuk : Ibu dan bapa angkat kamu selalu menceritakan atuk tentang kamu. Katanya Amin dari Thailand tetapi dapat bertutur Bahasa Melayu. Kamu berasal dari wilayah mana?
- Amin : Ya. Memang dari Thailand. Saya dari Pattani, iaitu salah satu wilayah di Selatan Thai. Sekarang saya sedang menuntut di Universiti Fatoni, dengan ambil jurusan Bahasa Melayu.
- Datuk : Baguslah macam tu. Macam mana tinggal di KL?
- Amin : Seronok dan menarik sebab baru kali pertama saya datang ke sini. Mana nenek?


- Datuk : Oh! Nenek tidak ada sekarang. Dia ke kebun dengan Rohani.
- Amin : Siapa Rohani?
- Datuk : Rohani cucu atuk.
- Amin : Atuk tentu sudah banyak cucu sekarang.
- Datuk : banyak juga. Mana ibu dan bapa angkat kamu?
- Amin : Ada. Itu mereka.

Kosa kata tambahan

ANGGOTA DALAM KELUARGA



Rajah Keluarga Rohani



Kosa kata

datuk/ atuk		ibu/ emak saudara	
neneh		ayah/ bapa saudara	
ayah/ bapak /bapa		anak saudara	
ibu/ emak/ mak		menantu	
anak		bapa mertua	
cucu		ibu mertua	
cicit		ipar	
sulung		abang ipar	
bungsu		kakak ipar	
abang		adik ipar	
kakak		sepupu	
adik		suami dan istri	

LATIHAN

A. Jawab soalan-soalan berikut.

- ▶ 1. Rohani anak siapa?
▶
▶ 2. Datuk Rohani mempunyai berapa orang anak?
▶
▶ 3. Siapa sepupu Rohani?
▶
▶ 4. Apakah hubungan Mariam dengan Asmah?
▶
▶ 5. Berapa orang anak Muaz?
▶
▶ 6. Rohani mempunyai berapa orang adik beradik? Sebutkan nama sekali.
▶
▶ 7. Apakah hubungan Noor dengan Aminah?
▶
▶ 8. Siapa Aisyah?
▶
▶ 9. Apakah hubungan Musa dengan Zaid?
▶
▶ 10. Aminah anak siapa?
▶

B. Tunjukkan hubungan tiap-tiap seorang dengan yang lain dalam keluarga anda.



PELAJARAN 4

BELAJAR TENTANG KATA BILANGAN

a) Kata Bilangan Kardinal :

0	kosong	5	lima
1	satu	6	enam
2	dua	7	tujuh
3	tiga	8	lapan
4	empat	9	Sembilan

puluhan :	10	sepuluh
	20	dua puluh
	30	tiga puluh
	99	sembilan puluh sembilan
belasan :	11	sebelas
	13	tiga belas
	16	enam belas
	19	sembilan belas
ratusan :	100	seratus
	400	empat ratus
	800	lapan ratus
ribuan :	1,000	seribu
	3,000	tiga ribu
	11,000	sebelas ribu
	100,000	seratus ribu
jutaan :	1,000,000	sejuta
	20,000,000	dua puluh juta
	500,000,000	lima ratus juta

b) Kata Bilangan Ordinal:

Kata bilangan ordinal ialah kata bilangan yang menunjukkan kedudukan dari segi urutan bilangan. Kata bilangan kardinal boleh dijadikan kata bilang ordinal dengan menambahkan awalan ke- di hadapan kata bilangan kecuali kata bilangan ordinal untuk *satu*.

pertama
Kedua
Ketiga
keempat
Kelima
Keenam
Ketujuh
Kelapan
kesembilan
kesepuluh
kesebelas
keseratus
dsb.

Kata bilangan ordinal jenis ini boleh diletakkan 'yang' di hadapan kata bilangan ordinal seperti contoh dalam ayat-ayat berikut.

1. Amin anak (yang) keempat.
2. Wanita (yang) kelima sangat cantik.
3. Pada hari (yang) ketiga kami ke Muzium Padi.

c) Bilangan Pecehan

$\frac{1}{2}$	satu perdua
$\frac{1}{4}$	satu perempat
$\frac{3}{4}$	tiga perempat
$1\frac{1}{2}$	satu, satu perdua
20/100, 20%	dua puluh peratus

d) Perpuluhan

1.5	satu perpuluhan lima
1.25	satu perpuluhan dua lima
1.05	satu perpuluhan kosong lima
2.35	dua perpuluhan tiga lima
3.75	tiga perpuluhan tujuh lima

LATIHAN


1. Kakak membeli (8) _____ tin susu.
2. Amani ada (7) _____ adik-beradik.
3. Fizal ada wang sebanyak (398) _____ baht.
4. Penduduk negara Thai (70,000,000) _____ orang.
5. Sekolah itu ada (57) _____ orang guru.
6. Harga kasut itu (959) _____ baht.
7. Sekarang di Kolisiam ada potongan harga (70%) _____ untuk barang pakaian.
8. Pada semester lepas, Farid mendapat GPA, iaitu (3.99) _____
9. Masakan ini perlu masukkan ($\frac{1}{2}$) _____ biji bawang merah.
10. Bukit itu mempunyai ketinggian sekitar (1,060) _____ meter dari arus laut.

PELAJARAN 5

MASA DAN PENJODOH BILANGAN

A. Masa

Kita dapat melihat masa melalui jam. Jam mempunyai banyak jenis.



Bahasa Melayu	Masa
Pagi	1.00 am - 11.59 am
Tengah hari	12.00 pm - 1.59 pm
Petang	2.00 pm - 6.59 pm
Malam	7.00 pm - 11.59 pm
Tengah malam	12.00 am - 12.59 am

Pukul berapa sekarang?

Ahmad :Pukul berapa sekarang?
Ali :Sekarang pukul dua belas lima belas minit.
Ahmad :Mari kita pergi makan. Saya lapar.
Ali :Saya pun lapar. Kita mahu makan di mana?
Ahmad :Saya suka makan nasi ayam goreng di kantin.
Nasinya sedap tetapi pedas sikit.
Ali :Saya mau makan laksa. Saya ada kelas pukul satu setengah.
Ahmad :Kalau begitu, mari kita pergi sekarang.
Ali :Baiklah.

- 4.15
 - Pukul empat lima belas minit.
 - Pukul empat suku.
 - 5.30
 - Pukul lima tiga puluh minit.
 - Pukul lima setengah.
 - 3.45
 - Pukul tiga empat puluh lima minit.
-
- 1.20 pm • Pukul satu dua puluh (minit) tengah hari.
 - 5.45 am • Pukul lima empat puluh lima (minit) pagi.

Baca dan faham

Setiap pagi, saya bangun pada pukul 5.30. Selepas mandi, bersembahyang dan berpakaian, saya bersarapan pada pukul 7.00 pagi. Saya makan roti dengan mentega. Saya pergi universiti pada pukul 7.45 pagi. Saya menaiki kereta ke universiti. Saya mula kelas pada pukul 8.30 pagi. Saya makan tengah hari di kantin. Saya suka makan nasi dengan gulai daging. Saya balik dari universiti pada pukul 4.00 petang. Saya bermain badminton di hadapan rumah saya pada pukul 5.00 petang. Saya makan malam pada pukul 7.30 malam. Saya tidur pada pukul 10.00 malam.

LATIHAN

Tuliskan masa di bawah dengan menggunakan perkataan bahasa Melayu yang betul.

- a) 5.21 am
- b) 1.45 pm
- c) 12.03 am
- d) 6.50 pm
- e) 7.30 am
- f) 9.30 pm
- g) 11.25 pm



B. Penjodoh Bilangan

Ialah segelongan kata nama tunggal yang menjadi pasangan pada kata bilangan untuk menjadi sejenis penerang bentuk atau keadaan pada kata nama yang mengikutinya. Contoh:

sebijji telur sebentuk cincin

lima orang budak dua pucuk surat

***Perhatian

Kata bilangan	Kata penjodoh	Kata nama
tiga	buah	buku

Perbualan 1

- Akmal : Assalamu'laikum. Pagi ini kamu ada kelas tidak?

Faizal : Waa'laikummussalam. Tak ada. Kenapa?

Akmal : Saya nak ajak kamu ke pusat membeli-belah.

Faizal : Kamu nak pergi dengan apa?

Akmal : Dengan motosikal akulah.

Faizal : Kamu ada topi keledar?

Akmal : Ya, ada.

Faizal : kita tak boleh menunggang motosikal tanpa topi keledar. Nanti kita ditahan polis dan akan didenda. Jom kita pergi!.

Akmal : Ramai pelanggan hari ini.

Faizal : tengoklah iklan itu. Ada promosi hebat, potongan harga 30-60%.

Akmal : baguslah, kita dapat membeli barang dengan harga yang murah.

Faizal : Amboi! Banyak barang kamu. Apa yang kamu beli?

Akmal : Aku beli sekilo gula, dua ketul sabun, sebotol sos cili, sebotol sos tomato, sepuluh biji telur, setin susu, lima biji epal, enam ekor ikan dan sebilah pisau.

Faizal : Sudah dapat semua barang yang kamu mahu?

Akmal : Belum cukup. Aku mahu lagi sehelai tuala dan sebuah jam tangan. Kamu tak beli apa?

Faizal : Aku mahu beli sebatang pen, sekeping kad ucapan selamat tamat universiti, sebilah gunting dan sepasang seluar.


Penjodoh bilangan	Contoh kata nama
buah	bangunan, rumah, kereta, kapal terbang, kerusi, meja, bukit, jam tangan
butir	telur
batang	kayu, rokok, pen
orang	kanak-kanak, jururawat
ekor	burung, kucing, kambing
keping	kad, gambar, biskut, roti
utas	rantai, tali, dawai
tangkai	bunga, anggur
bidang	tanah, sawah, tikar
ulas	nangka, cempedak, durian, bawang
helai	baju, kertas, kain, rambut, daun
tandan	kelapa, pinang, pisang
ketul	daging, batu, sabun
pucuk	jarum, pistol, meriam, senapang, surat
bilah	parang, pisau, pedang, kapak
potong	daging, kuih, roti, ikan
bentuk	cincin, matakail
bungkus	nasi, rokok, mi
gelas	air, air buah
kotak	rokok, ubat nyamuk
kuntum	bunga, teratai, orkid
pasang	kasut, suami istri

Contoh ayat:

1. Syarikat itu telah mengimport tiga buah kereta.
2. Mereka membeli tujuh biji durian di Pasar Baru.
3. Halimah ada empat batang pensil.
4. Kakak saya makan sebungkus nasi daging.
5. Pencuri itu melihat sembilan orang polis ada di depan rumah.
6. Hilmi menghisap tiga batang rokok sehari.
7. Dia membeli seutas rantai untuk istrinya.
8. Adik telah memecahkan dua biji telur yang baru di beli.
9. Tirmizi menjual sepuluh ekor kambing.
10. Amin menyimpan lapan helai tuala di dalam almari.

LATIHAN

A. Isikan tempat kosong dengan penjodoh bilangan yang sesuai.



1. Halimah ada dua _____ pen.
2. Fatimah membaca tiga _____ buku cerita hari ini.
3. Ayah membeli sembilan _____ kelapa di pasar Yala.
4. Emak memasak tiga _____ ikan Kaloi.
5. Dua _____ anggur di dalam raga.
6. Kakak memberikan se_____ sapu tangan kepada kawannya.
7. Setiap pokok pisang ada se_____ pisang.
8. Empat _____ anaknya belum bersekolah lagi.
9. Ahmad menghulurkan se_____ kertas kepada Noor.
10. Sainab mencuci tiga _____ kasut

B. Beri penjodoh bilangan yang sesuai berdasarkan gambar.

1. 		6. 	
2. 		7. 	
3. 		8. 	

PELAJARAN 6

POLA AYAT DASAR

A. Pola Ayat Dasar Bahasa Melayu terdiri daripada 4 Struktur

Pola	Subjek	Predikat
Pola 1	FN	FN
Pola 2	FN	FK
Pola 3	FN	FA
Pola 4	FN	FS

FN = Frasa Nama

FK = Frasa Kerja

FA = Frasa Adjektif

FS = Frasa Sendi Nama

B. AYAT DASAR I

Pola ayat dasar I

FN + FN

Subjek	Predikat
FN	FN
Ahmad	Pensyarah.
Puan Rohani	Cikgu.
Saya	mahasiswa Universiti Fatoni.
Ini	ibu saya.

1. Jenis kata yang digunakan dalam ayat dasar I ialah:

Kata Nama	Nama Am
	Nama Khas
	Nama Terbitan
Kata Ganti Nama	Kata Ganti Nama Diri
	Kata Ganti Nama Tunjuk

➤ **Kata Nama (KN)**

a. **Kata Nama Am (KNAm)**

Merujuk kepada manusia, haiwan, benda, tempat dan tumbuh-tunuhan secara umum. Kata nama am ditulis dengan menggunakan huruf kecil.

Contoh: ikan, sekolah, kasut

b. **Kata Nama Khas (KNKh)**

Merujuk kepada manusia, haiwan, benda, tempat dan tumbuh-tunuhan secara khusus. Kata nama khas mestilah ditulis dengan menggunakan huruf besar bagi huruf pertama.

Contoh Adam, Zainab, Pattani, Hadyai, Bangkok, Rabu

2. **Kata Nama Terbitan (KNTerb)** dari kata tunggal seperti makanan daripada kata kerja makan, minuman daripada kata kerja minum.

➤ **Kata Ganti Nama (KGN)**

a. **Kata Ganti Nama Diri (KGD)**

Ialah perkataan yang digunakan untuk menggantikan nama orang. Kata ganti nama diri terbahagi kepada tiga, iaitu:

1. **Kata ganti nama diri pertama**

Kata ganti nama diri pertama menggantikan diri orang yang bercakap.

Contoh: saya, aku, hamba, beta, patik, kami

2. **Kata ganti nama diri kedua**

Kata ganti nama diri kedua digunakan untuk menggantikan nama orang yang dilawan bercakap.

Contoh: awak, kamu, engkau, anda, kalian

3. **Kata ganti nama diri ketiga**

Kata ganti nama diri ketiga digunakan untuk menggantikan nama orang yang dicakap.

Contoh: dia, beliau, mereka, baginda, -nya

b. **Kata Ganti Nama Tunjuk (KGT)**

iaitu, ini dan itu.

Struktur Ayat Dasar I

FN + FN	
Subjek	Predikat
KN	
KGD	
KGT	KN

Kata Nama + Kata Nama

KN	KN
Subjek	Predikat
Ahmad	pelajar.
Halim	ayah.
Imran	polis.
Hasnah	penyarah.
Arini	pegawai.
Faizal	nelayan.

Kata Tanya - Siapa.

Ayat Tanya - Ahmad, siapa? Ahmad pelajar.

Siapa Ahmad? Ahmad pelajar.

Kata Ganti Nama Diri + Kata Nama
(KGD) (KN)

Subjek	Predikat
Saya	neneh.
Dia	kakak.
Mereka	cucu.
Kamu	abang ipar.
Kita	adik.

Kata tanya -siapa

Ayat tanya

Dia, siapa?	Dia nenek.
Mereka, siapa?	Mereka cucu.
Anda, siapa?	Saya guru.
Awak, siapa?	Abang ipar.
Kamu, siapa?	Saya mahasiswa.

Kata Ganti Nama Tunjuk + Kata Nama

KGT	KN
Subjek	Predikat
Ini	tangan.
	ayam.
Itu	mata.
	baju.
	rumah.

Kata Tanya: apa, siapa

Ayat Tanya:

Ini apa?	Ini tangan. Ini mulut. Ini rumah.
Itu apa?	Itu mata. Itu baju. Itu rumah.
Ini siapa?	Ini Ahmad. Ini Faizal. Ini Murna.
Itu siapa?	Itu nenek. Itu emak. Itu abang.

LATIHAN

A. Bina lima ayat dasar I dengan menggunakan struktur ayat.
(KN) + (KN)

1.
2.
3.
4.
5.

B. Bina lima ayat tanya dengan menggunakan struktur ayat di atas (A).

1.
2.
3.
4.
5.

C. Bina lima ayat dasar I dengan menggunakan struktur ayat.
(KGD) + (KN)

1.
2.
3.
4.
5.

D. Bina lima ayat tanya dengan menggunakan struktur ayat di atas (C).

1.
2.
3.

4.
5.

E. Bina lima ayat dasar I dengan menggunakan struktur ayat.

(KGT) + (KN)

1.
2.
3.
4.
5.

F. Jelaskan jenis kata daripada perkataan berikut:

kami	pelajar	beliau	Salwa	kamu
rumah	Bangkok	itu	gelas	Ahmad
sekolah	masakan	Ali	tuan	makanan

KNKh	KNAm	KNTerb	KGD	KGT

PELAJARAN 7

Ayat Dasar II

Pola Ayat Dasar II

FN + FK

Subjek	Predikat
FN	FK
Adik	menangis.
Mereka	minum.
Dia	keluar.
Anaknya	rebah.
Pengemis itu	makan kuih.
Gadis itu	senyum.
Mahasiswa itu	duduk.
Pelajar ini	ketawa.

Jenis kata yang digunakan dalam ayat dasar II ialah:

➤ **Kata kerja**

ialah perkataan yang digunakan untuk menunjukkan perlakuan atau perbuatan. Kata kerja terbahagi kepada dua jenis:

a) **Kata Kerja Transitif**

Kata kerja yang menunjukkan perbuatan yang dilakukan oleh pembuat (subjek) terhadap sesuatu benda (objek).

makan	tolong	cari
beli	minum	sewa
masak	pukul	tendang

Contoh:

1. Adik *membaca* buku.
2. Dia *menyewa* rumah.
3. Adik *membeli* buku
4. Mereka *makan* nasi goreng.
5. Adam *menolong* ayah di kebun.

b) Kata Kerja Tak Transitif

Kata kerja yang menerangkan sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh pembuat (subjek) terhadap diri sendiri.

pulang	jatuh	senyum
mandi	ketawa	rebah

Contoh:

1. Adik pulang.
2. Anaknya rebah.
3. Encik Muslim bersenam setiap petang.
4. Emak senyum manis.
5. Roslina pergi ke sekolah.

Ayat Tanya

- | | |
|----------------|--|
| Siapa pulang? | Ayah pulang. |
| Alif buat apa? | Alif ketawa. |
| Ana ketawakah? | Tidak, Ana tidak ketawa. Ana menangis. |

➤ Penggunaan Kata Kerja

1. Kata Kerja tanpa imbuhan

datang	ada	duduk	masuk	kenal	bangun	naik	masak
terbang	jatuh	kalah	senyum	mandi	tinggal	rebah	tumpah
turun	suka	pergi	menang	tumbang	tidur	diam	gemar
ketawa	terjun	pulang	tahu	hinggap	gugur	gelak	kalah

2. Kata Kerja dengan imbuhan

Awalan 'meN-'

Contoh:

1. Dia *melihat* adik jatuh atas meja.
2. Murni *menolong* ibunya di dapaur.
3. Halimah *mencari* kasut.
4. Mereka sedang *memesan* minuman.

Awalan meN-

1.

meN + m, n, ny, ng, r, l, w, y = me-

Contohnya:



minta	meminta
nanti	menanti
nyanyi	menyanyi
nganga	menganga
rayu	merayu
lawan	melawan

meN- + p, t, k, s = me-		
m	meN + pesan	= memesan
n	meN + tulis	= menulis
ng	meN + karang	= mengarang
ny	meN + sambut	= menyambut

2.

meN- + b, f, p = mem-

Contohnya:

baca	-	membaca
fitnah	-	memfitnah
proses	-	memproses

3.

meN- + d, c, j = men-

Contohnya:

dapat	-	mendapat
cari	-	mencari
jaja	-	menjaja

4.

meN- + g, gh, kh, h, a, e, I, o, u = meng-

Contohnya: →

gali	-	menggali
khayal	-	mengkhayal
hantar	-	menghantar
ambil	-	mengambil
ejek	-	mengejek
ikut	-	mengikut
olah	-	mengolah
undur	-	mengundur


5. meN- + satu suku kata = menge-


Contohnya: →

cat	-	mengecat
bom	-	mengebom
pos	-	mengepos
tin	-	mengetin
lap	-	mengelap

LATIHAN

A. Bina kata-kata dasar dengan memasukkan awalan meN- yang sesuai.





KATA BANTU

Kata bantu memberi keterangan lanjut tentang sesuatu perbuatan dalam kata kerja. Kata bantu digunakan di depan kata kerja. Kata bantu tidak boleh digunakan sendiri. Kata bantu adalah sejenis kata adverba yang memberi keterangan mengenai kata kerja.

Kata Bantu dibahagikan 2 jenis

1. Kata Bantu Aspek

Menerangkan sama ada perbuatan itu selasai, sedang, atau belum dilakukan.

- | | | |
|---------------------------------|---------------------------------|--------------------------------|
| <input type="checkbox"/> telah | <input type="checkbox"/> sedang | <input type="checkbox"/> masih |
| <input type="checkbox"/> sudah | <input type="checkbox"/> akan | |
| <input type="checkbox"/> pernah | <input type="checkbox"/> belum | |

□ Contoh:

- 1. Encik Kamal *sudah* menjual keretanya.
- 2. Buah-buah itu *belum* matang lagi.
- 3. Adiknya *masih* tidur.
- 4. Kakak saya *akan* pergi ke Singapura.
-

2. Kata Bantu Ragam

Menerangkan perasaan yang dirasai oleh orang yang melakukan perbuatan itu.

- **hendak** **mesti** **enggan**
- **mahu** **boleh**
- **harus** **dapat**

□

□ Contoh:

- 1. Muhammad *hendak* bermain badminton.
- 2. Saya *mahu* makan jagung.
- 3. Saya *mesti* *dapat* A semester ini.
- 4. Makcik Tipah *enggan* memberi wang kepada anaknya.

□

LATIHAN

A. Isikan tempat kosong dengan kata bantu aspek dan kata bantu ragam.

1. Budak gemuk itu _____ menghabiskan makanannya.
2. Cik Salmah _____ bercuti selama seminggu pada bulan depan.
3. Mereka _____ pergi ke perpustakaan selepas sarapan.
4. Rohani _____ bangun tetapi Salina _____ tidur.
5. Dia _____ mandi dan menggosok giginya.
6. Emak _____ menyiang ikan di dapur.
7. Adik tidak _____ ke sekolah.
8. Bapa _____ ke pejabat pos untuk menghantar surat.
9. Mahasiswa di sini _____ dapat biasiswa ke luar negeri.
10. Kamu _____ dapat nilai A, jika kamu rajin membaca buku pelajaran.

PELAJARAN 8

AYAT DASAR III

Pola ayat dasar III

FN + FA

Subjek	Predikat
FN	FA
Orang itu	baik sungguh.
Anaknya	masih kecil lagi.
Bilik ini	gelap.
Suaranya	sangat merdu.
Asma	sangat pandai.

1. Jenis Kata Adjektif

Kata adjektif ialah perkataan yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu kata nama.

1. Kata adjektif sifat/ keadaan
baik, jahat, pandai, lemah, berani, sakit, sibuk, sihat,
2. Kata adjektif warna
putih, hitam, kuning, hijau, ungu, merah, biru, jingga
3. Kata adjektif ukuran
panjang, pendek, tinggi, gemuk, tebal, cetek, dalam
4. Kata adjektif bentuk
bulat, bundar, lonjong, kempis, bengkok, buncit

5. Kata adjektif pancaindra
 - a) rasa sedap, manis, lazat, masam, kelat, pahit, tawar
 - b) pandang cantik, molek, hodoh, ayu, buruk
 - c) dengar merdu, nyaring, bising
 - d) bau harum, wangi, busuk, hapak
 - e) sentuh halus, licin, keras, kasar, lembut, lembik
6. Kata adjektif waktu
segera, lewat, lambat, awal, silam, lama
7. Kata adjektif cara
cepat, laju, perlahan, deras, gopoh
8. Kata adjektif perasaan
rindu, benci, sayang, cinta, takut, sedih, cemburu
9. Kata adjektif jarak
dekat, jauh, hampir

2.

Kata Penguat

Kata penguat ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti kata adjektif dan berfungsi menguatkan maksud yang tergandung dalam kata adjektif.

- i) Penguat hadapan terlalu, paling, agak
- ii) Penguat belakang sekali, benar, betul
- iii) Penguat bebas amat, sungguh, sangat

Contoh dalam ayat:

1. Rumah di atas bukit itu sangat cantik.
2. Perangai anak itu baik sekali.
3. Sungai itu sangat dalam.
4. Gaji Hasan amat rendah.
5. Buku itu agak tebal.

LATIHAN

A. Jelaskan jenis kata daripada perkataan berikut:

simpan	jalan	pedas	gembira
malas	masin	cerah	tolong
murid	jauh	tinggi	masjid

KK	KN	KA

B. Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan frasa adjektif.

1. Kereta yang besar itu_____
2. Mee goreng itu sangat_____
3. Rumah Adam_____
4. Baju barunya_____
5. Pelajar lelaki itu_____
6. Lagu itu_____
7. Jalan ini terlalu_____
8. Ayahnya sudah_____
9. Baju kurungnya_____
10. Guru itu sangat_____

C. Jelaskan subjek dan predikat bagi ayat-ayat di bawah ini.


1. Bilik tidurnya harum.

Subjek.....
Predikat

2. Anak Pak Musa sungguh cerdik.

Subjek.....
Predikat

3. Kereta api ke Bangkok lewat hari ini.
Subjek.....
Predikat
4. Pelajar yang rajin itu tidak sihat.
Subjek.....
Predikat
5. Rumah sewa mereka sangat sempit.
Subjek.....
Predikat.....



PELAJARAN 9

AYAT DASAR IV

Pola ayat dasar IV

FN + FS

Subjek	Predikat
FN	FS
Pelajar-pelajar itu	dari FTU.
Mereka	ke asrama.
Surat itu	daripada Ali.
Wang itu	untuk emak saya.
Hadiah saya	pada guru.
Buku adik	di biliknya.

Kata Sendi Nama

Kata Sendi Nama ialah kata yang digunakan untuk menyambungkan frasa nama dengan kata ataupun sebagai penyambung frasa-frasa dalam sesuatu ayat.

Antara kata sendi nama yang sering digunakan dalam Bahasa Melayu termasuklah: *di, ke, dari, daripada, pada, kepada, untuk, bagi, hingga, demi, oleh* dan sebagainya.

	<p>Salman tidak dapat pergi ke sekolah pada minggu ini. Dia sedang dirawat di hospital. Salaman telah dilanggar oleh sebuah kereta semasa berjalan kaki ke sekolah pada hari Khamis.</p> <p>Kemalangan itu berlaku di Jalan raya. Dia akan datang ke sekolah pada minggu hadapan.</p>
	<p>Salwa menerima sepucuk surat dari Satun. Surat itu datang daripada kawan karibnya, Nanda. Nanda juga menghantar beberapa keping gambar kepadanya. Sebenarnya, Nanda dan keluarganya baru berpindah ke Bangkok. Bandar Bangkok besar. Mereka lebih suka tinggal di Satun daripada di Bangkok.</p>
	<p>Ahmad baru pulang dari rumah Hilmi. Dia membawa balik beberapa tangkai rambutan. Ayah Hilmi memberi buah rambutan itu kepadanya.</p> <p>Dia tahu Ahmad suka makan buah rambutan. Emak Hilmi pula memberi beberapa keping kuih kepada Ahmad. Kuih itu di perbuat daripada ubi kayu.</p>

Perhatian

‘di’ menunjukkan tempat.

‘pada’ menunjukkan masa.

‘ke’ menunjukkan tempat atau arah yang dituju.

‘dari’ digunakan untuk menunjukkan:

- Tempat atau arah asal sesuatu benda.
- Jarak sesuatu tempat (dari.....ke).
- Masa bermula sesuatu perkara.

'daripada' digunakan untuk menunjukkan:

- Temapat datangnya sesuatu benda.
- Sumber.
- Perbandingan.

'kepada' digunakan untuk menunjukkan:

- Arah atau tempat orang yang dituju.

LATIHAN

A. Isikan tempat kosong dengan kata sendi yang sesuai.

- Abang _____ rumah ini, bukan _____ rumah itu.
- Dia berjalan _____ asrama dengan kawan-kawannya.
- Banyak surat _____ pejabat pos.
- Kakaknya _____ mana?
- Pen yang mahal ini _____ siapa?
- Ramai mahasiswa _____ universiti ini.
- Mereka tiba di sini kelmarin, mereka _____ Chiang Mai.
- Buku kamus itu _____ pensyarah.
- Baju abangnya _____ rumah neneknya.
- Kuih Bunga Pudak _____ tepung gandum.

B. Isikan tempat kosong di bawah dengan 'dari', 'daripada', atau 'kepada'



- Jiran baru kami berasal _____ Phuket.
- Hasan tidur _____ pukul lapan hingga pukul sepuluh malam.
- Seleng yang cantik itu diperbuat _____ kain sutera.
- "Stesen minyak itu tidak jauh _____ sini," terang Pakcik Hadi.
- Faizal akan menghantar surat itu _____ Encik Halim esok.



PELAJARAN 10

ARAH DAN LOKASI TEMPAT

A. PENGENALAN

		
Belok kiri jalan terus	Belok kanan	Belok kiri
		
Pusing balik	Bulatan	Berhenti
		
Simpang empat/ simpang tiga		Lampu isyarat


- Belok kiri di simpang empat.
- Pergi terus sehingga jumpa simpang empat.
- Jalan terus sehingga jumpa bangunan.....
- Jalan terus sehingga jumpa bulatan
- Pergi terus sampai

Perbualan

Di depan stesen kereta api Yala.

- Encik Faizal : Maaf, Saudara, boleh saya tumbang bertanya?
- Ahmad : Ya boleh. Silakan.
- Encik Faizal : Di mana Universiti Fatoni?
- Ahmad : Universiti Fatoni di Kampung Khaotum.
- Encik Faizal : Bagaimana hendak ke sana?
- Ahmad : Oh, senang saja. Dari sini, encik jalan terus hingga encik jumpa lampu isyarat di simpang tiga. Kemudian, belok kanan. Jalan terus sekitar lima kilometer. Encik akan jumpa dengan stesen minyak warna kuning disebelah kanan encik. Kemudian belok kanan di jalan "Nak Kubur", jalan terus sekitar 6 kilometer hingga encik jumpa simpang tiga selepas itu belok kiri. Universiti Fatoni disebelah kanan encik.
- Encik Faizal : Terima kasih.
- Ahmad : Sama-sama.

Peta Universiti Fatoni



KATA ARAH

Kata Arah ialah bentuk kata yang mendukung makna hala. Seperti atas, bawah, luar, dalam, depan, belakang, tepi, sebelah, tengah, dan sebagainya.

Frasa Sendi Nama		
Kata Sendi Nama	Kata Arah	Frasa Nama
di	belakang	rumah.
di	depan	bangunan Raja.
di	atas	pokok.
ke	dalam	bilik.
dari	dalam	hatinya.

Contoh ayat:

1. Ular ada *di atas* pokok.
2. Hakima masuk *ke dalam* bilik.
3. Saya duduk *di atas* kerusi.
4. Rumahnya terletak *di sebelah* kanan.
5. Mahasiswa FTU menjalankan aktiviti *di luar* kampus.


LATIHAN

A. Isikan tempat kosong dengan kata arah.

1. Saya berdiri di _____ bangunan itu.
2. Mereka duduk berbual-bual di _____ pokok nangka.
3. Jangan berdiri di _____ sungai itu.
4. Di _____ gunung itu terdapat banyak bunga-bunga yang cantik.
5. Matahari terbit di _____ timur.
6. Saya menyimpan buku bacaan _____ almari.
7. Di _____ jalan terdapat seekor kucing yang mati.
8. Sekolah saya terletak di _____ pejabat pos.
9. Kita harus makan makanan dengan menggunakan tangan _____ kanan.
10. Kucing di _____ bumbung rumah.

LATIHAN

- A. Bagaimana saya hendak pergi ke bangunan_____ mula dari pintu universiti?
- B. Bagaimana saya hendak pergi ke Masjid Besar Yala_____?



RUJUKAN

Buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu: Perkataan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

Mariyani dkk. *Buku LKM 100 Bahasa Malaysia 1*. Universiti Sains Malaysia: Pusat Bahasa dan Terjemahan.

Mazliyani Mohamad dan Norazila Daud, 2012. *Siri Latihan Tatabahasa SK tahun 6*. Kuala Lumpur: Success Printing& Packaging Sdn. Bhd.

Mohd. Tajuddin HJ. Abdul Rahman, 1999. *Kamus peribahasa Melayu Untuk pelajar*. Selagor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Nik Safiah Nik Abdul Karim, Datuk, 2013. *Tatabahasa dewan. Buku 1: morfologi: bentuk kata*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Nor Anizah Abu Samah. *Tatabahasa Ekspres tahun 6*. Selangor: Pustaka Vision.

Zaidah Lalzada Baharudin, 2012. *Siri Latihan Tatabahasa SK tahun 4*. Kuala Lumpur: Success Printing& Packaging Sdn. Bhd.

www.Google.com. 2015/2016

